

Mengangkat martabat budaya Sabah

UB 7.3.2019 B2

► 84 peserta ikuti Bengkel Tarian Tradisional Sabah anjuran JHEP UMS

**DARI KAMPUS**

KOTA KINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Bahagian Kebudayaan dan Kesenian

menganjurkan Bengkel Tarian Tradisional Sabah (Betras 4.0) pada 2 hingga 3 Mac 2019 bertempat di SRK Lok Yuk Likas.

Betras 4.0 adalah bengkel tarian asas bagi tradisi Sabah. Bengkel ini diadakan di SRK Lok Yuk, di mana pihak sekolah berminat untuk berkolaborasi bersama Kelab Kebudayaan dan Kesenian UMS.

Bengkel ini berperanan untuk berkongsi ilmu khususnya dalam bidang seni bersama pelajar sekolah rendah. Bengkel ini juga terbuka kepada ibu bapa sekolah dan pelajar-pelajar sekolah SRK Lok Yuk yang berminat dalam bidang seni. Bengkel ini memberi tunjuk ajar asas bagi tarian suku kaum Suluk iaitu tarian Igal dan Mengiluk.


Objektif bengkel ini adalah untuk mengangkat martabat adat dan budaya Negeri Sabah, mengkaji dan memahami tarian tradisi Sabah, menghasilkan dokumenti tarian tradisi Sabah dan berkolaborasi

antara sekolah dan universiti.

Seramai 84 peserta mengikuti bengkel berkenaan yang mendapat sambutan yang amat baik daripada peserta.

Diharapkan pada masa hadapan program ini dapat diteruskan bagi memantapkan pengurusan diri dan kewangan pelajar serta mengekalkan keputusan cemerlang.

Perkongsian ceramah disampaikan oleh Jamil Magayad dan penyelaras



SESI bergambar majlis perasmian penutupan Bengkel Tarian Tradisional Sabah (Betras 4.0).



KUMPULAN terbaik pelajar SRK Lok Yuk turut mengadakan persembahan.

bengkel ini adalah Norain Abdul Razak dari UMS.

Timbalan Naib Canselor (HEPA) Prof. Dr. Ismail Ali, menyifatkan adat dan budaya haruslah terus dikekalkan demi kesinambungan

budaya bangsa dan tradisi terutamanya di Sabah agar ia tak akan hilang ditelan zaman.

Turut hadir adalah dalam bengkel ini adalah YDP PIBG Suhaimi Shafiee,

Ketua Bahagian Kebudayaan dan Kesenian JHEP, UMS Alan James dan Cikgu Malini Masangku dari SRK Lok Yuk Likas yang juga selaku perasmi bengkel berkenaan.